



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK NURAZAM OSMAN
PEREKA FESYEN BUTIK MIX MODA**

OLEH:

AISHAH BT AB. AZIZ

2012420384

FATIN NURADILA BT NOOR FADZIR

2012408502

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)
TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

**ENCIK NURAZAM OSMAN
PEREKA FESYEN BUTIK MIX MODA**

OLEH:

AISHAH BT AB. AZIZ

2012420384

FATIN NURADILA BT NOOR FADZIR

2012408502

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

Penghargaan

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-NYA kami akhirnya dapat melengkapkan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temuramah bersama tokoh yang dipilih, namun berkat kesabaran dan pertolongan-NYA, kami dapat mengatasi segala masalah yang melanda.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami bagi subjek IMR 605, oral Documentation (pendokumentasian lisan) iaitu, Puan Kamariah Chik diatas segala tunjuk ajar yang diberikan kepada kami serta segala ilmu yang telah dicurahkan kepada kami yang beliau miliki bagi menyiapkan projek ini.

Penghargaan ini juga didedikasikan kepada tokoh yang kami temuramah iaitu Encik Nurazam Osman yang sangat kami hormati kerana sudi memberi kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna bagi kami. Beliau sudi meluangkan masa bersama kami meskipun padat dengan jadual beliau, kerjasama dari beliau sangat kami hargai.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibubapa kami yang banyak memberi bantuan, dorongan dan motivasi kepada kami untuk menyiapkan projek ini dengan baik. Tidak lupa juga kepada kawan-kawan yang membantu kami sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip Wawancara.....	1-35
Senarai Soalan.....	31-36
Log Wawancara.....	37-38
Indeks.....	39
Rujukan.....	40
Lampiran.....	41

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubualbersama Encik NurAzam Osman mengenai kerjaya beliau dalam bidang fesyen. Transkrip temubual ini dijalankan di Butik Mix Moda dimana butik tersebut adalah hak milik Encik Azam sendiri. Ia dilangsungkan di tingkat 2 pada 25 Oktober 2013 bermula pada jam 6.00 petang sehingga 7.30 malam. Beliau merupakan pengurus dan pereka fesyen di Butik Mix Moda dan beliau ada dua cawangan butik tersebut di Shah Alam dan Kuala Lumpur. Beliau terkenal dalam kalangan golongan VIP (very important person, artis, dan media massa Transkrip ini memyebut mengenai tentang latar belakang, cabaran, pengalaman tentang diri beliau sebagai pengurus dan pereka fesyen untuk butiknya sendiri. Tambahan juga, beliau memberi pendapat tentang fesyen di luar negara dan dalam Malaysia dan beliau masih berusaha untuk menjadi yang terbaik untuk semua golongan.

Kata kunci: Encik Azam, pereka fesyen, pengurus, Butik Mix Moda, VIP, Malaysia.

BIODATA DAN PROFIL PERIBADI TOKOH



1.	Nama penuh	Nurazam bin Osman
2.	Alamat surat menyurat	18, Jalan Plumbum P7/ P,Section 7, 40100 Shah Alam, Selangor.
3.	Kelahiran	Kuala Berang, Terengganu.
4.	Jantina	Lelaki
5.	Pendidikan (Rendah, Menengah dan Tinggi)	Sekolah Kebangsaan Kuala Berang Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan Kuala Berang Universiti Teknologi Mara, Dungun Universiti Teknologi Mara, Shah Alam
6.	Keluarga	Ibu, Mariam binti Mulkiaman Bapa, Osman Husin Talib. Anak ketiga daripa tujuh adik beradik
7.	Hobi	Gym, Bersendiri, Bekerja.
8.	Kerjaya	Pengarah/Pereka fesyen Mixmoda Sdn. Bhd.

Pengenalan

Bidang fesyen adalah salah satu bidang kerjaya yang memerlukan kreativiti seseorang individu kerana dunia bidang fesyen sentiasa berubah mengikut perkembangan masa. Pada hari ini kita boleh lihat pelbagai jenis fesyen direka bentuk dan dicipta. Bukan itu sahaja, terdapat ramai pereka fesyen yang terkenal di Malaysia kerana ia menjadi salah satu kebiasaan bagi sesetengah pihak dan terutamanya bagi golongan artis, VIP dan sebagainya.

Sebenarnya bidang fesyen bukanlah satu bidang yang menjadi ajaran monopoli kaum wanita dan lelaki lembut sahaja, sebaliknya diceburi oleh kaum lelaki yang inginkan sesuatu kelainan seperti pereka fesyen Nurazam Osman. Ramai juga pereka fesyen lelaki yang terkenal dan berjaya seperti Hatta Dolmat, Rizman Ruzaimi, Calvin Khoo dan ramai lagi. Dalam dunia rekaan fesyen masa kini sama ada di Malaysia bahkan di peringkat antarabangsa.

Kemahiran dalam mencipta fesyen yang disesuaikan dengan pemilihan jenis kain serta padanan warna yang betul sudah tentu akan nampak lebih menarik jika dipakai oleh pemakainya. Misalnya, baju pengantin yang pelbagai corak yang menggunakan pelbagai fabrik, dipadankan dengan aksesori yang menawan dan bersesuaian warna, sudah tentu penampilan pemakainya begitu anggun sekali. Dalam hal ini, seorang pereka perlu mempunyai kemahiran dan keupayaan memilih warna dalam membuat rekaan fesyen agar sesuai untuk dipakai mengikut masa dan persekitaran.

Pereka fesyen mengambil tahu tentang keseluruhan jenis pakaian, jenis kain dan fesyen sama ada untuk lelaki, wanita atau kanak-kanak yang mempunyai pelbagai citarasa dan minat. Pereka fesyen yang baik sudah tentu dapat memenuhi mengikut kriteria seperti di atas. Sebenarnya, tugas seorang pereka fesyen ialah untuk menghasilkan idea dan lakaran menarik sesuatu fesyen yang diciptanya. Selain itu, untuk mencetuskan idea dan kreativiti yang menarik, sudah tentu tugas mereka memerlukan masa yang panjang dalam menghasilkan sesuatu fesyen itu.

Berikut adalah rakaman wawancara kerjaya bersama Encik Nurazam Osman dimana beliau merupakan salah seorang pereka fesyen yang terkenal dalam Malaysia. Rakaman ini telah dijakankan di Butik Mix Moda bertarikh 25 Oktober 2013 jam 6.30 petang. Wawancara ini dikendalikan oleh Aishah bt Ab. Aziz dan dibantu oleh Fatin Nuradila bt Noor Fadzir. Dengan segala hormatnya kami mulakan rakaman ini.

Perunjuk

AAA – Aishah bt Ab. Aziz

NO – Nurazam Osman

Bahagian A: Latar Belakang Tokoh

AAA : Assalamualaikum

NO : Waalaikumussalam

AAA : Kepada Encik Azam. *Okay* [baiklah] terima kasih kerana (tersasur) sudi ditemubual oleh kami. Kami amat berasa bertuah kerana dapat berjumpa dengan Encik Azam untuk berkongsi serba sedikit tentang pengaalaman dan kerjaya Encik Azam dalam bidang fesyen ini.

NO : Sama-sama.

AAA : *Okay* [baiklah] soalan pertama saya akan bertanyakan tentang latar belakang encik, apakah nama penuh encik?

NO : Nama saya NurAzam Osman.

AAA : Apakah nama panggilan encik dalam kalangan keluarga, rakan dan artis?

NO : Mereka memanggil saya dengan panggilan Azam sahaja.

AAA : Bilakah dan dimana encik dilahirkan?

NO : Saya dilahirkan di Kuala Berang Terengganu (bunyi motosikal).

AAA : Apakah status encik sekarang?

NO : Status saya bujang.

AAA : Siapakah yang tinggal bersama encik sekarang?

NO : Saya tinggal bersama adik perempuan saya.

AAA : Sebelum ini, adakah encik pernah tinggal di tempat lain?

NO : Sebelum ini saya tinggal-ketika belajar sahaja saya tinggal dengan kawan- kawan.

AAA : Bolehkah encik beritahu nama ibu dan bapa encik?

NO : Nama ibu saya Mariam binti Mulkiaman dan nama bapa saya Osman Husin Talib.

AAA : Dimanakah ibu bapa encik sekarang?

NO : Mereka di kampung di Kuala Berang Terengganu.

- AAA** : **Apakah pekerjaan mereka sekarang?**
- NO** : Mereka baru *saje* [sahaja] bersara dan sekarang *ni* [ini] mereka berehat di rumah.
- AAA** : **Dimanakah mereka berasal?**
- NO** : Ibu saya berasal dari Kelantan dan ayah saya berasal dari Terengganu.
- AAA** : **Kelantan *tu* [itu] dari mana?**
- NO** : Di Machang, Kelantan.
- AAA** : **Bolehkah encik ceritakan serba sedikit mengenai ibu bapa encik?**
- NO** : (bunyi hentakan kasut) Cerita macam mane *tu* [itu]?
- AAA** : **Dari segi-umur dia---**
- NO** : Ibu saya berumur *lima puluh tiga* [53] tahun dan ayah saya *enam puluh tiga* [63] tahun. Ayah saya seorang yang serius-sangat serius ibu saya seorang yang baik seorang yang di tempat-tempat saya bercakap.
- AAA** : **Boleh saya tahu encik ada berapa orang adik beradik dan encik anak ke berapa?**
- NO** : Saya ada tujuh orang adik beradik saya anak ke tiga dari tujuh orang.
- AAA** : **Apakah yang dilakukan oleh adik beradik encik sekarang? (bunyi**

kenderaan).

NO : Kebanyakan mereka telah bekerja dan seorang lagi sedang belajar di *UITM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam.

AAA : **Berapakah umur adik encik yang belajar di *UITM* [Universiti Teknologi Mara]?**

NO : *Due* [dua] puluh tahun.

AAA : **Apakah (bunyi kenderaan) apakah nama sekolah rendah adik dahulu?**

NO : Sekolah Kebangsaan Kuala Berang.

AAA : **Bagaimana pula dengan sekolah menengah?**

NO : Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan Kuala Berang.

AAA : **Pengalaman manis encik ketika sekolah dahulu?**

NO : Pengalaman manis saya dilantik sebagai beberapa jawatan sebagai ketua di beberapa persatuan termasuk dengan seperti pengakap dan pejuang sukan.

AAA : **Bagaimana pula dengan kenangan pahit?**

NO : Kenangan pahit saya seorang yang nakal juga *so* [jadi] biasa la ada yang kena pukul dengan guru—

AAA : Apakah pendidikan awal encik selepas Sijil Pelajaran Malaysia [SPM]?

NO : Pendidikan awal saya selepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] saya *join* [menyertai] *UITM* [Universiti Teknologi Mara] buat diploma dan saya sambung *degree* [ijazah] dekat Shah Alam.

AAA : Apakah cita-cita encik yang sebenarnya?

NO : Saya mempunyai tiga cita-cita. Pertama cita-cita saya *nak* [hendak] menjadi seorang usahawan. Kedua *bankers* [pegawai bank], ketiga polis dan Alhamdulillah cita-cita satu yang saya dapat sekarang.

AAA : Alhamdulillah encik. Bilakah encik mula meminati bidang fesyen?

NO : Saya secara jujurnya lebih kurang tiga tahun. Sebelum *ni* [ini] saya buat perniagaan secara *wholesale* [borong] atau borong tapi mungkin bidang tersebut *tak* [tidak] berapa sesuai dengan saya memandangkan saya ini jenis seorang yang agak cerewet. *So* [jadi] saya mempelajari selok belok bidang fesyen dan kemudian saya cuba ceburi Alhamdulillah setakat *ni* [ini] sangat positive.

AAA : Adakah bidang ini merupakan bidang pilihan encik semasa belajar di *UITM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam dahulu?

NO : Tidak sama sekali.

- AAA** : **Mengapa?**
- NO** : Bidang ini telah dimonopoli golongan wanita dan lelaki yang agak lembut. *So perception* [jadi pandangan] saya dan orang luar dalam Malaysia ini untuk orang-orang yang seperti ini sahaja. Tapi, *luckily* [dengan bertuahnya] saya selepas saya *join* [sertai] fesyen saya rasa bidang agak luas dan *tak* [tidak] tertumpu kepada mana-mana jantina.
- AAA** : **Berapa lama masa yang diambil untuk menghabiskan pengajian semasa diploma dan *degree* [ijazah]?**
- NO** : Tiga tahun untuk diploma dua tahun untuk *degree* [ijazah].
- AAA** : **Dimanakah encik membuat praktikal?**
- NO** : Saya membuat praktikal saya dalam bidang *fashion management* [pengurusan fesyen] saya membuat latihan praktikal saya dekat flextronic di Shah Alam juga dalam bahagian biro.
- AAA** : **Apa pengalaman manis dan pahit semasa bergelar mahasiswa? (bunyi kenderaan)**
- NO** : Pengalaman manis pengalaman manis *life* [kehidupan] yang paling *best* [seronok] sekali *life* di kampus itu juga sebab masa *tu you tak* [itu awak tidak] fikir duit *you* [awak] perlu belajar sahaja (bunyi kenderaan) dan *you tak* [awak tidak] ada kokongan daripada guru-guru *especially* [terutamanya] mase *you* [awak] belajar berbeza sebab _____ tapi masa

dekat yang penting *UITM* [Universiti Teknologi Mara] *you dah consider* [awak sudah beranggapan] besar *so* [jadi] *diorang dah* [mereka sudah] bagi tugas dari segi pakaian dari segi stail *you* [awak] sendiri lepas *tu* [itu] pengalaman pahit (bunyi hentakan kasut) saya rasa saya *takde* [tidak ada] pengalaman pahit sangat.

AAA : **Pernahkah encik mendapat tawaran bekerja dimana-mana sebelum ini?**

NO : Tidak sebab selesai *saje* [sahaja] pengajian saya, saya terus mengambil keputusan untuk *join* [sertai] dalam bidang perniagaan mengikuti sepupu saya yang banyak membantu saya untuk mencapai ketahap__ __
__.

AAA : **Apa yang menyebabkan encik suka bidang fesyen?**

NO : Saya meminati bidang fesyen pertamanya bukan kerana minat saya, pertamanya kerana tanggungjawab saya sebab saya *nak* [hendak] mempelajari suatu yang baru. *So*, [jadi] saya rasa saya perlu antara saya *fail* [gagal] atau berjaya. *So*, [jadi] kalau saya *nak* [mahu] berjaya saya *kena* [perlu] *all out* [keluar] dalam bidang belajar dan apabila saya belajar secara perlahan, saya minat dan bila saya minat lagi saya boleh buat sesuatu yang lebih bagus dan saya percaya untuk berjaya bukan setakat minat sahaja, *you* [awak] kena paksa diri *you* [awak]. *Okay* [baiklah].

- AAA : **Siapakah yang menjadi penyokong atau dianggap tulang belakang selama encik selama ini?**
- NO : Saya rasa keluarga saya bagi saya---
- AAA : **Bidang ini diteruskan daripada encik sendiri atau dari keluarga encik atau dari man-mana pihak?**
- NO : Saya secara untuk fesyen_saya belajar---. *So takde support* [jadi tidak ada sokonagn] dari mana-mana sebab ayah saya seorang peniaga yang menjual barang-barang runcit *so* [jadi] saya hanya mempunyai *basic* [biasa] untuk menjadi *entrepreneur* [usahawan] sahaja. *The rest tu* [yang lain itu] saya *develop* [bangunkan] sendiri.

Bahagian B: Pembukaan Butik Mix Moda

- AAA : **Dari mana encik mendapat idea menjadikan nama “Mix Moda” untuk butik ini?**
- NO : Nama *ni* [ini] wujud masa saya belajar di *UITM* [Universiti Teknologi Mara]. Masa *final year* [tahun akhir] saya dan abang saya dan dia seorang *lawyer* [peguam] sekarang ___ ___ ___ *dah start* [sudah mula] buat bisnes kita *dah start supply* [sudah mula membekal] untuk butik-butik macam *shawl ape* [apa] semua *so* [jadi] dekat situ bila kita *dah register* [daftar] kite *try* [cuba] cari nama *dah* [sudah]. Masa *tu* [itu] moda tengah *trend so* [ikutan jadi] kita letak Mix Moda tu mix moda yang terpilih dekat *area* [kawasan]_ *so* jadi la *company* [syarikat].

AAA : Bilakah butik pertama “Mix Moda” dibuka?

NO : Kita buka *nak* [hendak] cakap perniagaan kita bermula pada tahun *dua ribu empat* [2004] di Jalan Tunku Abdul Rahman kita buat *wholesale* [borong] sahaja kemudian kite naik kepada *retail wholesale* [borong runcit] dan pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010] Disember baru kita buka butik di Shah Alam tempat biasa.

AAA : Apakah perasaan encik ketika itu?

NO : Takut ada gembira ada takut sebab benda *ni* [ini] perniagaan baru antara saya boleh berjaya ataupun akan berakhir gembira sebab saya rasa *ni* [ini] peluang untuk buktikan yang saya boleh berjaya sebab bidang *wholesale* [borong] mungkin bukan peluang yang baik untuk saya.

AAA : Siapakah yang menguruskan butik-butik yang lain?

NO : Saya mempunyai dua cawangan sahaja satu di Shah Alam dan satu di Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur ada sahaja dua orang staf dan sedang dan saya kebanyakan masa saya dihabiskan di Shah Alam di Shah Alam kita ada sepuluh orang staf.

AAA : Pernahkah encik terfikir untuk menambahkan lagi cawangan butik Mix Moda?

NO : Buat masa *ni* [ini] belum lagi *cume* [cuma] kita buat penambah baikkan

dan tambahkan satu *floor* [tingkat] lagi. Itu sahaja kerana kapasiti kita sekarang *ni and* [ini dan] *cakap just nice* [hanya cantik] sahaja *so* [jadi] kita *tak nak* [tidak mahu] ambil risiko.

AAA : **Siapa yang banyak membantu encik dalam menguruskan bidang ini?**

NO : *To be truth, team* [secara jujurnya, kumpulan] saya la pekerja saya yang banyak bantu saya keluarga ada juga *cume* [cuma] saya jenis yang *tak* [tidak] suka campur tangan dari keluarga saya saya suka berjaya dengan saya sendiri *so* [jadi] saya *develop team* [membangunkan kumpulan] saya sendiri *so* [jadi] kita *start* [mula] semua *teamwork* [ahli kumpulan] kita bagus la Alhamdulillah. Itu sahaja.

AAA : **Apakah cabaran yang selalu dihadapi sebelum butik dibuka?**

NO : Cabaran pertama saya dari segi kewangan sebab setiap tahun saya *nak* [mahu] buka *tu* [itu] setiap tahun saya mengalami kerugian yang sangat besar kerugian itu disebabkan kesilapan saya sendiri dan saya perlu percaya untuk mendapatkan pinjaman itu bukan sesuatu yang senang tapi Alhamdulillah kerana rekod saya masih lagi *okay, so* [baik, jadi] pihak bank masih lagi dapat menawarkan pinjaman kepada saya dan cabaran kedua untuk mendapatkan pekerja yang bagus kerana saya *ni* [ini] bidang pertama saya bidang fesyen bidang pertama saya pada tahun *dua ribu sepuluh* [2010] *so* [jadi] untuk *develop* [bangunkan] satu

team [*kumpulan*] yang bagus bukan senang ada orang *nak* [*hendak*] tumpang kerja ada orang yang__ terus mengambil kesempatan banyak benda yang saya belajar tapi yang saya percaya kalau kita buat benda yang bagus InsyaAllah kita dapat_keputusan_.

AAA : **Siapakah pelanggan encik pada masa itu?**

NO : Pelanggan pelanggan saya terdiri daripada dua kumpulan satu individu dan satu korporat. Saya mempunyai beberapa individu yang tetapi individu *ni dia orang* [*mereka ini*] datang boleh cakap *first timer* [*waktu permulaan*] sebab butik di Shah Alam *tu* [*itu*] mempunyai pelanggan yang berbeza dengan butik yang di Kuala Lumpur kerana di Kuala Lumpur *our target market is middle to low* [*pasaran sasaran kami adalah sederhana ke rendah*] dan Shah Alam *middle to high* [*sederhana ke tinggi*] *so* [*jadi*] dua *pattern customer* [*bentuk pelanggan*] yang sangat berbeza jadi dekat Shah Alam *customer* [*pelanggan*] kita lebih kepada *Malay*, [*melayu*] *educated Malay* [*melayu berpelajaran*] *so* [*jadi*] kita punya *marketing* [*pemasaran*] pun *through of amount slow* [*melalui jumlah yang lambat*] tapi *result rated* [*kadar keputusan*] bagus.

AAA : **Adakah encik berpuas hati dengan—**

NO : *For the first year*, [*untuk permulaan tahun pertama*] tidak memberangsangkan sangat tapi kita dapat respon yang positif *so* [*jadi*]

kita *nak* [hendak] sabar untuk dapat kesan kita mungkin bila cakap pasal *pra business* [separuh bisnes]_ _ _ _ _ mungkin dari segi *sale* [jualan] kalau tanya sesiapa pun saya rasa *dia orang* [mereka] akan *target sale first* [target jualan pertama dahulu] *so* [jadi] bila *sale* [jualan] bagus *you* [awak] boleh *cover* [merangkumi] lebih bagus *you* [awak] boleh dapat kerja yang lebih tapi kalau *sale tak* [jualan tidak] bagus_ _ _ macam mana *you nak* [awak hendak] *cover* [menutupi] apa *plan* [rancang] yang kita bagus tapi kalau *tak* [tidak] boleh *sale* [jualan] yang bagus kita akan mengalami_ *so* [jadi] yang *tu* [itu] yang saya *problem* [masalah] pada *first year* [tahun pertama] tapi *the second year* [tahun kedua] tu ia *pick up okay* [bertambah baik] *so* [jadi] kita buat *saving* [simpanan] yang bagus kita ada *fail* [gagal] lepas *tu* [itu] kita *start* [mula] membesar_ _ berpuas hati saya rasa saya agak berpuas hati tapi saya bersyukur la.

Bahagian C: Butik Mix Moda diperkenalkan pada Media Massa

- AAA** : **Pernakkah butik Mix Moda ditayangkan pada media massa?**
- NO** : Pernah. Kita mendapat sokongan media massa dan media cetak Utusan, Berita Harian *then* [kemudian] kalau media *ape* [apa] tadi media massa *TV AL-Hijrah* [Televisyen Al-Hijrah], *TV3* [Televisyen Tiga], *RTM* [Radio Televisyen Malaysia] *without any payment* [tanpa sebarang bayaran]_ _ _ _ _.

AAA : Apakah yang menjadi jaminan **encik** untuk terus bertapak kukuh dalam menguruskan **mixmoda batik ini**?

NO : Kalau ikut *pattern* [rentak] perniagaan sekarang *ni* [ini] berbeza dengan sebelum *ni* [ini], perniagaan sekarang lebih mengutamakan kualiti dan servis maksudnya dalam bidang saya *ni* [ini] kita tawarkan barangan dan servis *so* [jadi] setiap kali kita buat *perception* [pandangan] kita *nak make sure* [hendak memastikan] barang dan kualiti kita servis kita menepati, citarasa dan kehendak pelanggan. Servis *ni* [ini] banyak beza *so* [jadi] kita *kene* [perlu] tahu *customer* [pelanggan] punya *taste* [citarasa] macam mana, *expectation* [jangkaan] dia macam mana, bajet *dia orang* [mereka] macam mana, *so* [jadi] daripada situ kita boleh *go through* [melalui] kita punya kualiti.

AAA : Apakah prinsip yang dipegang oleh **encik** selama ini?

NO : Prinsip saya *simple* [biasa] saja sangat-sangat *simple* [biasa] saya seorang yang pada saya kepercayaan nombor satu apa-apa yang *you* [awak] buat *nak deal* [hendak berurusan] dengan *customer* [pelanggan] ke, *nak deal* [hendak berurusan] dengan *supplier* [pembekal] ke, *nak deal* [hendak berurusan] dengan bos ke, dengan pekerja ke, *it is all about trust* [semuanya mengenai kepercayaan] kalau *trust tu* [kepercayaan itu] kuat *and* [dan] dia *loyal*, [setia] *tak* [tidak] ada masalah sebab sepandai mana *you* [awak] pun kalau niat *tak* [tidak] bagus *you* [awak] *tak* [tidak] akan berjaya. Itu *saje* [sahaja].

AAA : **Betul cakap encik *tu* [itu]. Siapakah pelanggan encik yang sering datang ke butik ini?**

NO : Pelanggan saya yang sering datang ke butik *ni* [ini] kita ada rekod macam *almost every month* [hampir setiap bulan] yang agak tetap dan *customer* [pelanggan] yang dah agak dari segi *age tu* [umur itu] dalam *tiga puluh* [30] ke atas la dan biasanya *diorang ni executive* [mereka ini pegawai] punya *level* [pangkat] ataupun *CEO* [Chief Executive Officer] punya *level* [pangkat].

AAA : **Siapakah dalam kalangan artis yang menjadi pelanggan tetap encik?**

NO : Kita *tak* [tidak] ada pelanggan tetap dari segi_kalangan artis kerana kebanyakan mereka memerlukan *sponsorship* [penaja] sedangkan (bunyi hon kenderaan) Mix Moda mungkin tidak memerlukan sangat artis untuk menjadi ikon kita. Kita lebih suka golongan korporat ataupun *VVIP* [very-very important person] mungkin dari *polotician* [orang politik] kerana *market* [pasaran] segmen kita bukan ke arah *tu* [itu] (bunyi mesin) itu bukan buat butik perniagaan untuk *glamour* [terkenal] untuk mencari publisiti kita buat untuk *dia orang* [mereka] ingat kita pasal servis kita, kualiti kita, pasal *speed* [kelajuan] kita, pasal harga kita (bunyi kenderaan), pasal komitmen kita sebab saya percaya ada orang *dia* naik cepat mungkin *dia tak* [tidak] lame dalam bidang_mungkin *dia* ada setahun, *sepuluh* [10] tahun, *dua puluh lima*

[25] tahun tapi seorang yang bagus dalam bisnes adalah mungkin berapa lama *you* [awak] boleh kekal dalam bisnes.

AAA : Apakah yang membuatkan mereka berminat dengan rekaan encik?

NO : Rekaan saya mungkin kalau orang cakap ayat *tu* [itu] praktikal lebih praktikal untuk bercakap cara kerja kita punya budaya *dia orang* [mereka] punya bajet sebab kita kebanyakan *collection* [koleksi] kita sangat *simple* [biasa] tapi kita ada sentuhan yang orang boleh ingat kita punya sentuhan dari segi harga pun kita buat yang sangat berpatutan sebab kita dapat *repeat* [ulang] kita punya *customer*. [pelanggan]

AAA : Berapa banyak koleksi rekaan baju yang encik ada setakat ini?

NO : Dari segi koleksi yang kita ada sekarang lebih kurang yang *ready to wear* [sedia dipakai] kita ada dalam lebih kurang *lima ratus* [500] helai *then need to measure* [kemudian perlu diukur] kita akan hasilkan lebih kurang *seratus* [100] helai sebulan.

AAA : Sebulan, *okay* [baiklah] anggaran harga untuk sepasang *ready to wear* [sedia dipakai] dengan baju pengantin dan baju lain-lain?

NO : Baju *ready to wear starting from* [siap dipakai bermula dari] seratus *sembilan puluh sembilan* [RM 199.00] kalau *need to measure starting from* [perlu diukur bermula dari] *enam ratus sembilan puluh* [RM

690.00] ke atas. (bunyi mesin)

- AAA : Bagaimana pula dengan aksesori yang lain?
- NO : Kita ada buat aksesori lain seperti untuk lelaki kita buat---butang baju melayu *and then* [dan kemudian] untuk wanita kita buat kerongsang, *yang korean* [korea] punya kualiti.
- AAA : Kenapa encik memilih *korean* [korea] punya kualiti?
- NO : Kerana dari segi harga *our target customer* [sasaran pelanggan kami] *dia orang* [mereka] pakai untuk berfesyen *saje*, [sahaja] *dia orang* [mereka] *certain-certain* [tertentu] bajet *so* [jadi] untuk *below* [bawah] *empat ratus* [RM 400.00] mungkin *dia orang still* [mereka akan] boleh beli kalau lebih dari *tu* [itu] baik beli yang *original* [asli]. *So original* [Jadi, keaslian] lain dari bisnes jadi barang kemas pula. Itu *saje*. [sahaja]
- AAA : Pada waktu bila pelanggan datang ke butik encik?
- NO : Kita buka pada sepuluh pagi sampai sembilan malam *so* [jadi] dari urusan niaga *tu* [itu] ada yang datang pagi, ada yang datang tengah hari, ada yang datang petang, ada yang datang malam dan saya sendiri saya banyak *consult* [berbincang] selepas pukul lima.
- AAA : Kiranya setiap masa tu ada orang yang akan datang?

- NO : Biasanya macam *tu* [itu], ada orang suka datang pagi sebab die suka *traffic* [lahu lintas] pagi *tak* [tidak] ada, ada orang suka datang petang sebab baru balik kerja, ada orang datang malam sebab baru balik kerja. Macam *tu* [itu] lah.
- AAA : Adakah musim perayaan paling ramai pelanggan datang?
- NO : Ya, kalau ikut kita punya *trend* [ikutan] the *best sale* [jualan paling untung] kita buat masa *during* [semasa] Ramadan la sebab masa *tu* [itu] semua orang *nak* [hendak] raya walaupun *dah* [sudah] ada baju tapi *dah* [sudah] jadi suatu kemestian untuk tukar atau cari baju baru atau tempah baju baru *so kite* [jadi kita] buat *sale* [jualan] yang_....
- AAA : Pada musim perkahwinan, berapa ramai pelanggan yang encik terima?
- NO : Kita tidak menetapkan apa-apa bilangan kuantiti ataupun *order* [pesanan] tapi kita akan buat setakat yang kita mapu. (bunyi mesin) Contohnya kalau dalam sebulan kita boleh hasilkan lebih kurang *tiga puluh* [30] hingga *enam puluh* [60] pasang baju wanita untuk baju melayu kita boleh buat lebih kurang *enam puluh* [60] pasang sebulan.
- AAA : Adakah baju wanita tu susah dibuat atau---
- NO : Baju wanita agak rumit untuk dibuat dan kita ade proses *fiting* [potongan] (bunyi kenderaan) yang mengambil masa (bunyi gelang

loceng) satu pasang lebih kurang mungkin dua minggu atau tiga puluh hari.

AAA : **Bagaimana encik mencari inspirasi untuk melakukan sesebuah rekaan?(bunyi hentakan kasut)**

NO : **Inspirasi *tu* [itu] datang daripada *magazine* [majalah] (bunyi kenderaan) daripada *on the street* [atas jalan] kan, pembeli jualan ataupun *through the median* [perantaraan] dalam internet ada. Dari situ la kita ambil mungkin kita tukar proses-la.**

AAA : **Soalan seterusnya, dimanakah encik mendapat bekalan untuk membuat baju dan sebagainya?**

NO : **Kebanyakan (bunyi hentakan kasut) bekalan itu *material* [bahan] daripada _____ kita dapat daripada sekitar Mid Valley juga dan kita (bunyi gelang loceng) dan *material* [bahan] yang kita ambil *tak* [tidak] banyak. Butik *tak* [tidak] boleh hasilkan *and* [dan] eksklusif *takde* [tidak ada] dekat situ. *So* [jadi], kita selalu tukar-tukar *supplier* [pembekal] la biasanya. Jadi__.**

AAA : **Berapa lama encik mengambil masa untuk menyiapkan satu rekaan tersebut?**

NO : **Satu rekaan mengambil masa saya rasa mungkin la tengok atas baju kalau laki masa mungkin dalam dua hari mungkin dua minggu *almost***

[hampir] pun *tiga puluh* [30] hari tapi kalau wanita biasanya satu minggu ke atas la _____.

AAA : Kenapa baju wanita itu susah sikit?

NO : Baju wanita *tu* [itu] wanita *tu* [itu] sendiri pun dah cerewet kalau tengok macam sembilan puluh sembilan [99] rahsia yang ada. Macam-macam *kat* [pada] baju *tu* [itu] dia *nak* [mahu] ada kalau boleh. *So* [jadi] lain *tu* [itu] bagi wanita *ni* [ini] pasal badan wanita *ni* [ini] banyak bahagian dada dia dan semua-semua yang lain *tu so* [itu jadi] _____ *and then* [dan kemudian] dia punya aksesori lagi macam selendang *nak* [mahu] kelihatan cantik *so* [jadi] banyak perkara yang kita *kene* [perlu] buat.

AAA : Bagaimana encik mengatasi masalah itu?

NO : Masalah *ni* [ini] macam ragam yang biasa *so* [jadi] kita *kalau* kadang-kadang *customer* [pelanggan] datang *tak* [tidak] ada duit _____ *so* [jadi] kita cuba la bagi apa yang sesuai untuk *dia orang* [merela]. Kalau kita kita *tak* [tidak] menggalakkan *customer* [pelanggan] membazir dalam setiap pakaian yang ada tapi kita ikut kalau itu kemahuan dia kita ikut cuma kita sebagai orang cakap *kita* pun *tak nak customer tu* [tidak mahu pelanggan itu] membazir sebab kita *nak* [hendak] habiskan kerja kita dengan satu kepuasan dari segi kualiti dan angka itu sendiri.

- AAA : **Macam yang encik katakan tadi encik pernah menjadi *sponsorship* [penaja] jadi untuk drama apa?**
- NO : Drama saya untuk rancangan macam Selamat Pagi Malaysia, Wanita Hari Ini saya ingat lah untuk drama saya lupa saya *tak* [tidak] ingat sebab saya pun *tak* [tidak] tengok *tv* [televisyen].
- AAA : **Susah tak berurusan dengan---**
- NO : Senang je _____*so* [jadi] kita dah tetapkan apa yang kita *nak* [mahu] bagi.
- AAA : **Adakah mereka banyak ragam?**
- NO : Zaman sekarang *ni tak* [ini tidak] banyak biasa saja, saya biasa sebab yang *in charge* [menguruskan] pun *okay* [baik].
- AAA : **Apakah yang membuat encik ingin menjadi *sponsorship* [penaja] untuk mereka?**
- NO : Untuk lebih memperkenalkan *brand* [jenama] kita secara percuma.
- AAA : **Apakah *impact* [kesan] *sponsorship* [penaja] itu?**
- NO : Dari segi mungkin dalam _____tapi mungkin kita *nak at least dia orang* [mahu sekurang-kurangnya mereka] _____kita menjadi pilihan *dia orang* [mereka].

AAA : Selain daripada TV3 [televisyen tiga] itu pernah *tak* [tidak] untuk majlis-majlis lain?

NO : Majlis yang apa?

AAA : *Sponsorship* [penaja] macam majlis pembukaan sesuatu—?

NO : Ya ada, tapi *tak* [tidak] banyak tengok kalau program itu ada *reflect* [pantulan] untuk kita punya *search* [carian] mungkin kita akan *support* [sokong] kalau yang *special* [istimewa] tengok kalau mungkin kita *win-win situation* [situasi menang-menang] kan kita akan *support* [sokong].

AAA : Adakah encik membuat pertunjukkan fesyen untuk memperagakan pakaian encik?

NO : *Tak* [tidak] banyak, ada tapi *tak* [tidak] banyak sebab komitmen mungkin kita lebih *compete* [bersaing] untuk buat *research* [kajian] di butik *so* [jadi] tanggungjawab kita untuk menyelesaikan baju pelanggan *so* [jadi] untuk membuat satu *show ni* [pertunjukkan ini] kita memerlukan satu *team* [kumpulan] yang lain. *So*, [jadi] kadang-kadang dia apa *ni* [ini] mengganggu masa kita dengan *customer* [pelanggan] kita *so* [jadi] kita membuat pilihan kita hanya *join* [sertai] bila kita rasa *free* [terluang] sahaja. Setakat ini kita ada dalam lima *show* [pertunjukan] sahaja kalau *tak* [tidak] silap.

Bahagian D: Pertunjukan Fesyen

- AAA : **Bilakah *show* [pertunjukan] yang pertama?**
- NO : *Show* [pertunjukan] pertama kita buat tahun *dua ribu sebelas* [2011] dengan Bank Rakyat.
- AAA : **Apakah cabaran menguruskan pertunjukkan fesyen?**
- NO : Cabaran dia untuk dapatkan model yang professional dari segi *timing* [masa] professional *and then* [dan selepas itu] *run way* [pergerakan] yang bagus *pastu* [selepas itu]_____.
- AAA : **Tema apa pada waktu itu?**
- NO : Tema kita tunjuk kita punya *collection* [koleksi] sahaja apa yang sesuai dipakai oleh dalam masyarakat.
- AAA : **Encik ada berapa orang pekerja di butik ini?**
- NO : Di Shah Alam kita ada sepuluh orang dan dua orang_____.
- AAA : **Apakah kriteria yang encik utamakan pada pekerja encik?**
- NO : Kriteria pertama seorang itu mestilah kemas. Kedua, dari segi dia itu orang yang rajin maksudnya *tak* [tidak] berkira dalam kerja sebab bila kita buat servis kita *kena* [perlu] ikut *customer* [pelanggan] contoh *you* [awak] balik kerja pukul sembilan sekarang *you* [awak] ada *customer* [pelanggan] yang perlukan *you so you kena extend* [awak jadi awak

perlu panjangkan] sampai *so you* [jadi awak] kena *willing* [sanggup] untuk apa *ni serve customer* [ini layan pelanggan] itu sebab pada saya servis *tu dia orang* [itu mereka] akan *measure* [ukur] yang macam itu dan dari segi kekemasan rajin *dia orang* [mereka] komitmen *dia orang* [mereka] dan satu lagi dari segi rupa tapi kita perlu jugak biasanya bahagian bawah la cuma bagi saya rupa *ni* [ini] jadi nombor dua la bukan nombor satu.

AAA : **Nombor satu?**

